DALAM PERKARA ABU HANIPAH MALEK

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR H
[SAMAN PEMULA NO: CB-24NCVC-37-02-2024]
31 MEI 2024

Abstrak – *(i) Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan dan mengeluarkan perintah anggapan kematian bawah s. 108 Akta Keterangan 1950 walaupun tiada apa-apa prosiding di mahkamah yang melibatkan pemohon selain daripada permohonan anggapan kematian; (ii) Anggapan kematian perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana akan memberi kesan pada undang-undang berkaitan perwarisan harta si mati. Dengan itu, mahkamah harus berpuas hati bahawa penama tidak ditemui atau didengari selama tujuh tahun dan orang yang mengesahkan penama tidak didengar atau ditemui haruslah individu yang wajar mempunyai pengetahuan tentang penama.*

KETERANGAN: *Anggapan – Kematian – Permohonan deklarasi bahawa penama meninggal dunia – Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan dan mengeluarkan perintah anggapan kematian walaupun tiada prosiding di mahkamah yang melibatkan pemohon – Sama ada penama tidak ditemui atau didengari selama tujuh tahun – Sama ada orang yang mengesahkan penama tidak didengar atau ditemui adalah individu yang wajar mempunyai pengetahuan tentang penama – Sama ada anggapan kematian perlu dilakukan dengan berhati-hati – Akta Keterangan 1950, s. 108*

Ini adalah permohonan melalui saman pemula bagi permohonan deklarasi bahawa penama Jeriah Abdul Rahman ('Jeriah') telah meninggal dunia. Permohonan dibuat bawah s. 108 Akta Keterangan 1950 ('Akta Keterangan') ('permohonan anggapan kematian'). Permohonan ini disokong dengan afidavit sokongan anak kandung Jeriah, iaitu Abu Hanifah Malek ('Abu Hanifah'). Dalam afidavit tersebut, dinyatakan bahawa dia dan kesemua anak Jeriah telah menyaksikan Jeriah dikuburkan di Tanah Perkuburan Desa Baru Purun pada tahun 1963, ketika Abu Hanifah berumur sepuluh tahun. Afidavit sokongan tersebut juga melampirkan surat daripada Ketua Kampung Desa Baru Purun yang mengakui mengetahui bahawa Jeriah dikenali oleh Ketua Kampung Mohd Sabri Abdul Rahman dan mengesahkan Jeriah pernah tinggal di kampung tersebut. Carian yang dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara mendapati tiada rekod berkenaan kematian Jeriah. Dalam afidavit sokongan tersebut juga telah dimasukkan atau dilampirkan surat akuan oleh seorang bernama Jenap Jahit, sepupu Jeriah, yang mengesahkan bahawa Jeriah telah meninggal dunia pada tahun 1963 dan dikebumikan di Tanah

Perkuburan Islam Kampung Purun. Turut dilampirkan dalam ekshibit adalah papan tanda Tanah Perkuburan Islam Kampung Purun dan gambar batu nisan tempat Jeriah dikebumikan. Permohonan ini dikemukakan bagi membolehkan urusan berkaitan dengan harta Jeriah itu dilaksanakan iaitu permohonan pembahagian pusaka kecil. Ini tidak dapat diuruskan tanpa pengesahan surat kematian. Isu yang timbul adalah sama ada mahkamah ini boleh memberikan anggapan kematian bawah s. 108 Akta Keterangan tanpa apa-apa prosiding di mahkamah berkaitan pemohon.

Diputuskan (mengisytiharkan penama meninggal dunia):

(1) Penelitian s. 108 Akta Keterangan bersama-sama dengan pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017 menunjukkan badan perundangan mengiktiraf bahawa satu lagi bentuk pendaftaran kematian adalah melalui anggapan kematian yang diisytiharkan oleh mahkamah. Dalam konteks ini, perintah anggapan kematian itu adalah bagi maksud s. 108 Akta Keterangan dan s. 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1997. (perenggan 36)

(2) Mahkamah boleh mendengar permohonan untuk anggapan kematian bawah s. 108 Akta Keterangan. Penelitian permohonan pemohon perlu dibuat oleh mahkamah melalui afidavit-afidavit yang difailkan dan ekshibit-ekshibit yang berkaitan bagi menyokong permohonan ini. Oleh itu, mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan dan mengeluarkan perintah anggapan kematian bawah s. 108 Akta Keterangan walaupun tiada apa-apa prosiding di mahkamah yang melibatkan pemohon selain permohonan anggapan kematian ini. (perenggan 37 & 38)

(3) Mahkamah, semasa mempertimbangkan permohonan bawah s. 108 Akta Keterangan perlu berpuas hati bahawa fakta-fakta yang mencukupi dikemukakan melalui afidavit yang difailkan serta ekshibit-ekshibit yang dilampirkan dalam permohonan tersebut. Mahkamah harus berpuas hati bahawa: (i) seseorang itu telah tidak ditemui atau didengari selama tujuh tahun. Ini bermakna mahkamah perlu dikemukakan fakta bahawa dalam tempoh tujuh tahun atau lebih seseorang itu tidak pernah ditemui lagi. Ini mungkin disebabkan oleh kali terakhir dia dilihat ialah tujuh tahun sebelum permohonan dibuat. Ini dapat dilakukan melalui afidavit yang disediakan oleh seorang individu atau lebih yang dapat menentusahkan bahawa kali terakhir orang itu dilihat adalah tujuh tahun yang lalu sebelum permohonan dibuat; dan (ii) ketiadaan berita tentang orang itu hendaklah oleh orang yang pada lazimnya mempunyai berita tentang orang tersebut. Ini bermakna orang yang mengesahkan bahawa seseorang itu telah tidak didengar atau tidak ditemui tujuh tahun dahulu adalah

individu yang sewajarnya mempunyai pengetahuan tentang orang tersebut. Misalnya, isteri, suami, anak-anak yang telah dewasa, jiran atau ketua kampung dan orang-orang lain yang pada kebiasaannya mengetahui bahawa orang itu boleh ditemui dan dapat didengar berita tentangnya. Ini juga boleh dilakukan dengan afidavit yang dikemukakan. (perenggan 39)

(4) Anggapan kematian perlu dilakukan dengan berhati-hati. Perintah anggapan kematian akan memberi kesan pada harta si mati, undang-undang berkaitan dengan perwarisan harta dan hak-hak perundangan yang lain. Ini tidak boleh hanya dianggap sebagai satu prosedur biasa sahaja. (perenggan 40)

(5) Afidavit yang dikemukakan oleh pemohon mengesahkan bahawa dia berumur sepuluh tahun ketika melihat ibunya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Purun. Ini juga disokong oleh sepupu Jeriah yang menyaksikan pengebumian Jeriah di tanah perkuburan yang sama. Fakta tersebut juga tidak dapat disanggah bahawa sejak pengebumian tersebut Jeriah tidak lagi ditemui atau didengar beritanya oleh pemohon dan sepupunya, Jenap. Terdapat juga satu gambar yang dikatakan pusara di mana Jeriah dikebumikan. Walaupun tidak dapat ditunjukkan dengan jelas catatan pada batu nisan tersebut sama ada nama Jeriah Abdul Rahman atau orang lain. Namun demikian, fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa Jeriah ini tidak pernah lagi didengar melebihi tujuh tahun seperti yang diperuntukkan bawah s. 108 Akta Keterangan. Jeriah tidak lagi didengar berita tentangnya oleh orang yang sepatutnya mendengar berita tersebut melepasi tempoh tujuh tahun. Oleh itu, Jeriah diisytiharkan telah meninggal dunia. (perenggan 42-44)

Kes-kes yang dirujuk:

Dahlia Dhaima Abdullah v. Majlis Agama Islam Selangor & Another Appeal [2024] 5 CLJ 855 FC ***(dirujuk)***

Ex parte Ramlah @ Ras Abdullah [1999] CLJU 54; [1999] 1 LNS 54 HC ***(dirujuk)***

Mohd Aslam Khan Syed Gulam v. C Mageswary Chandran & Ors [2020] 1 CLJ 402 CA ***(dirujuk)***

Mohideen Kutty & Anor v. Wong Kian Chong & Anor [1980] CLJU 134; [1980] 1 LNS 134 FC ***(dirujuk)***

R Muthu Thambi v. K Janagi [1955] CLJU 106; [1955] 1 LNS 106 HC ***(dirujuk)***

Re A Penhas Deceased [1947] CLJU 86; [1947] 1 LNS 86 HC ***(dirujuk)***

Re Ex Parte Application Of Ridzwan Ibrahim (Presumption Of Death) [2002] 4 CLJ 502 HC ***(dirujuk)***

Re Gun Soon Thin [1997] 2 CLJ Supp 53 HC ***(dirujuk)***

Re Osman Bachit [1997] 2 CLJ Supp 269 HC ***(dirujuk)***

Tebin Mostapa v. Hulba-Danyal Balia & Anor [2020] 7 CLJ 561 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Birth and Death Registration Rules 2019, r. 8
Birth and Death Registration Act, s. 24A
Evidence Act 1950, ss. 107, 108
Islamic Family Law Act (Federal Territory) 1984, s. 53
Rules of the High Court 1980, O. 92 r. 4
Syariah Court Evidence (Federal Territories) Act 1997, s. 80

Sumber-sumber yang dirujuk:
Andrew Burrows, Thinking About Statutes Interpretation, Interaction, Improvement Cambridge University Press 2018, ms 43
Mohamad Asmadi Abdullah, *The Applicability Of The Usul Al-Fiqh Principle "Istishâb" To The Presumption Of Death Of A Missing Person In Islamic Law Of Succession And Malaysian Law,* (2010) 18 IIUMLJ 321
Phipson On Evidence, 14th edn Sweet & Maxwell 1990, ms 84, 89

Bagi pihak pemohon - Nor Ezdiani Mohd Amari & Muhammad Zul Hafiz Mohamad Sabri; T/n Bahari Choy & Nongchik

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor H:

Pendahuluan

[1] Ini adalah permohonan melalui saman pemula *ex parte* bagi permohonan deklarasi bahawa penama Jeriah binti Abdul Rahman telah meninggal dunia. Permohonan ini adalah dibuat di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950. Permohonan seperti ini kerap kali dikenali sebagai permohonan anggapan kematian.

[2] Permohonan ini disokong dengan affidavit sokongan Abu Hanifah bin Malek yang menyatakan bahawa dia adalah anak kandung kepada Jeriah binti Abdul Rahman dengan Malek bin Maseh. Dalam affidavit tersebut, dinyatakan bahawa dia dan kesemua anak Jeriah telah menyaksikan bahawa Jeriah telah dikuburkan di Tanah Perkuburan Desa Baru Purun pada tahun 1963. Pada masa pengkebumian tersebut Abu Hanifah berumur sepuluh tahun.

[3] Affidavit sokongan tersebut juga melampirkan surat daripada Ketua Kampung Desa Baru Purun bertarikh 26 Julai 2023 yang mengakui mengetahui bahawa Jeriah binti Abdul Rahman dikenali oleh Ketua Kampung Mohd Sabri bin Abdul Rahman dan mengesahkan Jeriah binti Abdul Rahman pernah tinggal di kampung tersebut. Carian telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara dan didapati bahawa tiada rekod berkenaan kematian Jeriah binti Abdul Rahman tersebut.

[4] Dalam affidavit sokongan tersebut juga telah dimasukkan atau dilampirkan surat akuan dari seorang yang bernama Jenap binti Jahit iaitu sepupu kepada Jeriah binti Abdul Rahman. Dia mengesahkan bahawa Jeriah binti Abdul Rahman telah meninggal dunia pada tahun 1963 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Purun. Juga dilampirkan dalam eks. "AH2" Abu Hanafiah bin Malek papan tanda Tanah Perkuburan Islam Kampung Purun dan gambar batu nisan tempat di mana Jeriah binti Abdul Rahman dikebumikan.

[5] Permohonan ini dikemukakan bagi membolehkan urusan berkaitan dengan harta Jeriah binti Abdul Rahman itu dilaksanakan iaitu permohonan pembahagian pesaka kecil. Ia tidak dapat diuruskan tanpa pengesahan surat kematian.

Analisa

[6] Seksyen 108 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

> **108 Burden of proving that person is alive who has not been heard of for 7 years**
>
> When the question is whether a man is alive or dead, and it is proved that he has not been heard of for seven years by those who would naturally have heard of him if he had been alive, the burden of proving that he is alive is shifted to the person who affirms it.

[7] Pemakaian s. 108 Akta tersebut ini acap kali timbul di mahkamah apabila terdapatnya permohonan untuk anggapan kematian. Apa yang menjadi persoalan ialah adakah anggapan kematian ini boleh dibuat oleh mahkamah tanpa sebarang prosiding yang sedang berada di mahkamah. Bagi menyelesaikan isu ini, adalah wajar untuk mahkamah meneliti keputusan-keputusan mahkamah yang mengguna pakai s. 108 ini. Mahkamah meneliti kepada kes *Re A Penhas Deceased* [1947] CLJU 86; [1947] 1 LNS 86; [1947] 1 MLJ 78. Dalam kes tersebut, telah terdapat satu isu berkenaan seorang penama Abraham Penhas sama ada beliau masih hidup atau sebaliknya dalam satu petisyen surat mentadbir pesaka Abraham Penhas. Isu dalam kes tersebut adalah seperti berikut:

> In this case one Tan Soo Eng filed a Petition for Letters of Administration of the Estate of Abraham Penhas. A Caveat was filed by Isaac Penhas, a brother of the said Abraham Penhas, and later an Order was made for the trial of the following issues namely "whether the abovenamed Abraham Penhas who resided in Singapore is dead and if so when he died." Tan Soo Eng was the Plaintiff on the said issues and Isaac Penhas was the Defendant on the said issues.

[8] YA Hakim Murray-Ansley CJ telah memutuskan seperti berikut:

A

> Delivering an Oral Judgment said that it was almost inconceivable that if Abraham Penhas was still alive he would not have communicated with his friends and relatives before that time. He held that Abraham Penhas had died on or since the 10th March, 1942.

[9] Seterusnya dalam kes *R Muthu Thambi v. K Janagi* [1955] CLJU 106; B [1955] 1 LNS 106; [1955] 1 MLJ 47, isu yang timbul dalam kes tersebut melibatkan satu prosiding nafkah dalam perkahwinan yang melibatkan isu sama ada suami masih hidup atau sebaliknya. YA Hakim Spenser Wilkinson menyatakan seperti berikut:

> From this authority I think it is clear that no presumption arose as to C when the first husband died but there might have been a presumption that at the date when these maintenance proceedings were commenced the husband was no longer alive, if it had been proved that he had not been heard of by those people who were likely to have heard from him had he been alive. Even this presumption, however, does not necessarily arise from the mere fact that the respondent had not heard from her former D husband. There is no doubt that in the circumstances laid down in Section 108 of the Evidence Ordinance the Court may presume death but it does not follow that in every case it will do so …

[10] Ia masih melibatkan kes yang sedang dikendalikan di mahkamah di mana s. 108 Akta tersebut digunakan dalam prosiding tersebut untuk E mengganggap kematian seseorang. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohideen Kutty & Anor v. Wong Kian Chong & Anor* [1980] CLJU 134; [1980] 1 LNS 134; [1981] 1 MLJ 228 dalam satu tuntutan sewaan juga perlu menangani masalah sama ada seseorang telah meninggal dunia atau sebaliknya dan s. 108 telah digunakan dalam kes tersebut. YA Hakim Wan F Sulaiman menyatakan seperti berikut:

> Finally, our attention was drawn to that portion of the judgment in which his Lordship clearly held the view that the onus lay on the appellants to prove that the widow is alive. The fact that the widow had executed a power of attorney in India on April4, 1973 and extracted letters of G administration through her attorney on April 14, 1974 is not in doubt. The learned judge however held that this was no proof that she was still alive thereafter.
>
> Attention of this court was obviously not drawn to the provisions of sections 107 and 108 of the Evidence Act, which are set out hereunder:
>
> H 107. When the question is whether a man is alive or dead and it is shown that he is alive within thirty years, the burden of proving that he is dead is on the person who affirms it.
>
> 108. When the question is whether a man is alive or dead and it is proved that he has not been heard of for seven years by those who would naturally have heard of him if he had been alive, the I burden that he is alive is shifted to the person who affirms it.

It was certainly not part of respondent/plaintiff's case that the widow was dead at material times, and indeed if he had, the burden would be upon him to prove her death.

[11] Mahkamah ini juga mendapati terdapat pandangan yang menyatakan bahawa s. 108 Akta tersebut akan hanya terpakai apabila terdapatnya prosiding di Mahkamah. Ini dapat dilihat oleh keputusan YA Abdul Kadir Sulaiman dalam kes *Ex parte Ramlah @ Ras Abdullah* [1999] CLJU 54; [1999] 1 LNS 54; [1999] 4 AMR 4273 seperti berikut:

To the disappointment of the applicant in the present case, I refused the application. To my mind it is wrong to grant such an order upon the application made in pursuance to s. 108 of the Evidence Act 1950. The provisions in the section is a rule of evidence affecting the burden of proof in any proceedings before a court of law with the aid of a presumption in favour of a party who establishes certain facts. In any proceedings affecting parties before the court, if the issue before the court in such a proceeding is to determine whether a man is alive or dead, the law would assist the party who asserts the fact mentioned in the said section by presuming that the man is dead if the court accepts the evidence of the party. This presumption is however a rebuttable one. Unless and until rebutted, the presumption remains. If, on the other hand the other party to the proceedings contends otherwise, the burden of proof shifts to that other party to displace the presumption of death of the man. However, in this case before me now, there is no issue in dispute that calls for the court to decide on the issue as to whether Sulong bin Mohd is alive or dead. Since the purpose of this application is to enable the applicant to obtain the letters of administration over the estate of Sulong, the issue is relevant only before the Collector in the administration proceedings to determine whether Sulong is dead or alive. On the evidence tendered before me, if tendered before the Collector in such proceedings, s 108 of the Evidence Act 1950 would assist the applicant by the Collector, if the evidence is proved, presuming that Sulong is dead. Until such presumption is displaced by evidence to the contrary by anyone challenging the proceedings, the Collector is entitled to dispose of the administration proceeding on the premise that Sulong is no longer alive. It is in that proceeding that s. 108 of the Evidence Act 1950 is of relevance and not before me now by way of this application for an order.

[12] Sebaliknya, terdapat juga keputusan mahkamah yang membenarkan permohonan anggapan kematian di bawah s. 108 walaupun tiada prosiding khusus di hadapan mahkamah. Ini dapat dilihat dalam kes *Re Gun Soon Thin* [1997] 2 CLJ Supp 53; [1997] 2 MLJ 351. Dalam kes tersebut, permohonan dibuat melalui usul pemula untuk mengisytiharkan bahawa seorang Gan Teck Heow telah tidak didengar mengenainya selama lebih daripada tujuh tahun berdasarkan kepada afidavit yang dikemukakan menunjukkan bahawa Gan Teck Heow telah ditangkap oleh askar-askar Jepun. Berdasarkan kepada fakta tersebut, mahkamah telah membenarkan permohonan anggapan kematian tersebut.

[13] Begitu juga dalam kes *Re Osman Bachit* [1997] 2 CLJ Supp 269; [1997] 4 MLJ 445. Dalam kes tersebut, permohonan dibuat melalui usul pemula bagi anggapan kematian bahawa seorang Dogol bin Bachit telah dianggap meninggal dunia pada tahun 1938 dan dimohon agar kematian tersebut berlaku pada tahun 1945 seperti di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950. YA Pesuruhjaya Kehakiman Augustine Paul telah menjelaskan berkenaan dengan had pemakaian s. 108 dan menyatakan seperti berikut:

> To revert to the motion before me, the applicant is praying for an order to determine the date of death of the deceased and the facts disclosed in the various affidavits reveal that there is no dispute in a court or proceeding as to whether the deceased is alive or dead. These are matters which do not come within the ambit of s. 108 as under that section:
>
> (i) no presumption can arise as to when a person died; and
>
> (ii) such a presumption arises for consideration only when there is a dispute in a court or proceedings as to whether a person is alive or dead.

[14] Mahkamah telah menolak permohonan pemohon dalam kes tersebut dan menyatakan s. 108 Akta tersebut tidak boleh menentukan bilakah tempoh atau tarikh kematian seseorang dan ia akan hanya timbul apabila terdapatnya prosiding di mahkamah.

[15] Kes *Re Osman Bachit* (*supra*) tadi telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Aslam Khan Syed Gulam v. C Mageswary Chandran & Ors* [2020] 1 CLJ 402 seperti berikut:

> [21] We agree with learned counsel for the appellant that the learned trial judge erred in holding that the presumption of death order had no evidential value and did not provide proof that Merlhat died on 4 September 1952. With due respect to the learned judge, his reliance on *Re Osman Bachit* is misplaced as in that case, the presumption of death order had not been obtained, unlike the present case where the order had been procured. Besides, it was a case on s. 108 of the Evidence Act 1950.
>
> [22] Contrary to the learned trial judge's reading of the case, *Re Osman Bachit* is in fact authority for saying that the date of death could be proven in an application for the grant of letters of administration. This is clear from the learned judge's observation at p. 274 (CLJ); p. 450 (MLJ):
>
> > in my opinion, the proper course for the appellant to adopt would be to apply for letters of administration and prove the death of the deceased in that proceedings.

[16] Perintah anggapan kematian juga diberikan dalam kes *Re Ex Parte Application Of Ridzwan Ibrahim (Presumption Of Death)* [2002] 4 CLJ 502; [2002] 1 MLRH 615. Ini melibatkan permohonan untuk pengisytiharan bahawa seorang yang bernama Sheikh Mohamed bin Sheikh Ali. Ia melibatkan satu tuntutan berkaitan dengan harta Sheikh Mohamed bin

Sheikh Ali yang melibatkan Akta Pembahagian 1958 yang mana ianya dikatakan tidak terpakai kepada orang Islam. Ia dapat dilihat seperti berikut: A

> [8] At the time of the alleged demise of Sheikh Mohamed bin Sheikh Ali although he was domiciled in Saudi Arabia, there were immovable and movable property belonging to him situated in Malaysia. There is therefore a question to be determined that is whether under the intestacy of Sheikh Mohamed bin Sheikh Ali certain properties situated in Malaysia would devolve in accordance with the laws of Malaysia or in accordance with the laws of his domicile that is Saudi Arabia. However, at this stage of the proceedings, the applicant has not yet applied for letters of administration and no doubt at the time of such an application the fact that Sheikh Mohamed bin Sheikh Ali is a Muslim and last domiciled in Saudi Arabia, will have to be taken into account at the time of the inquiry by the registrar. An inquiry about the person who will be entitled to be granted the letters of administration will invariably arise during the course of the inquiry to be made by the registrar pursuant to O. 71 r. 25 of the Rules of the High Court 1980. B C D
>
> [9] No cases have been cited to this Court except *Re Gun Soon Thin* [1997] 1 MLRH 271; [1997] 2 MLJ 351; [1997] 2 CLJ (Supp) 53; [1997] 3 AMR 2777 and *Re A Penhas (deceased)* [1947] 1 MLRH 654; [1947] MLJ 78. For the purpose of the present application I do not find those cases useful. In the course of hearing the submissions by the applicant's counsel, I have been emphasising that s. 108 of the Evidence Act 1950 of Malaysia is not about a question of the distribution of assets but simply that if on the date an order is made by this court, a question is addressed as to whether a man is alive or dead so long as there is no dispute about the man being alive. E

[17] Dalam kes tersebut juga, mahkamah telah menggunakan bidang kuasa sedia ada di bawah A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah 1980 dan menggunakannya dengan menyatakan seperti berikut: F

> [33] This application having been received I have the option of not making an order in view of the existence of a similar provision under the Syariah Court Civil Procedure (Federal Territories) Act 1998 which would have enabled the applicant to obtain a similar order. However, as stated above if this application is entertained, I find that it is not repugnant to the implementation of that Act. Order 92 r. 4 of the Rules of the High Court 1980 states as follows: G
>
> > For the removal of doubts it is hereby declared that nothing in these rules shall be deemed to limit or affect the inherent powers of the court to make any order as may be necessary to prevent injustice. H
>
> [34] In *Pacific Centre Sdn Bhd v. United Engineers (Malaysia) Bhd* [1984] 1 MLRH 210; [1984] 2 MLJ 143; [1984] 2 CLJ (Rep) 319 Edgar Joseph Jr J (as he then was) stated, *inter alia*, as follows: I

A The Rules of the High Court were enacted in exercise of the powers conferred by s. 17 of the Courts of Judicature Act, 1964, with the consent of the Chief Justices of Malaya and Borneo and the Rules Committee and are comprised in PU(A) 50 which is clearly subsidiary legislation within the meaning of s. 3 of the Interpretation Act, 1967. The Rules in my opinion, therefore, have
B statutory force and are not mere rules of practice.

[35] This is the status of the rules which has remained unchanged. The inherent power that is invoked here is to do justice in the sense of overcoming a multiplicity or duplicity of applications. If this application is denied it is found that the applicant may well have to apply to the Syariah
C Court Civil Procedure (Federal Territories) Act 1998. I find that in this specific instance no repugnance is done by construing that with the two legislation available in respect of an application for a presumption of death the implementation is to be harmonised rather than to construe that there is any inconsistency.

D [36] I find therefore that this application is to be allowed as the applicant may have to seek again the jurisdiction of a civil court in order to obtain the letters of administration.

[18] Adalah didapati bahawa terdapat peruntukan yang sama berkenaan dengan anggapan kematian di bawah Akta Keterangan Mahkamah Syariah
E (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1997, terdapat peruntukan seperti s. 108 Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

80 Beban membuktikan bahawa seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama empat tahun masih hidup

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati,
F dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

[19] Namun demikian, pada hemat mahkamah keadaan di dalam kes *Re Ex*
G *Parte Application Of Ridzwan Ibrahim* (*supra*) tersebut tidak lagi akan timbul disebabkan sekiranya, terdapat prosiding di Mahkamah Syariah yang melibatkan anggapan kematian di bawah hukum syarak maka s. 80 Akta Keterangan Islam Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1997 boleh digunakan lagi prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.
H Ini adalah ekoran daripada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dahlia Dhaima Abdullah v. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) & Another Appeal* [2024] 5 CLJ 855; [2024] 4 MLRA 453 di mana Mahkamah Persekutuan, YA Hakim Abu Bakar Jais menyatakan seperti berikut:

[148] Further, in support of her case, the appellant submitted that the
I Syariah Courts are akin to inferior tribunals and cannot be compared with the Civil courts and she referred to the followingwords of *Indira Gandhi*:

> As has been illustrated, civil and syariah courts are distinct in nature and status: the former are established under the Federal Constitution and vested with inherent judicial powers; whereas the latter are creatures of state legislation under the State List, and akin to inferior tribunals.
>
> [149] On the above submission, I have already expressed my view earlier that I disagree that Syariah Courts are inferior courts and I have already referred to case law authorities supporting my view. Both Syariah Courts and Civil Courts are recognised under our Federal Constitution. After all, each state in the country make up the Federation and stand tall in the formation of Malaysia. Their institutions should not come secondary to the ones established under the central administration.

[20] Begitu juga terdapat peruntukan khusus berkenaan dengan anggapan kematian bagi tujuan untuk pemfailan pembubaran perkahwinan atau permohonan fasakh di bawah undang-undang keluarga Islam. Ini dapat dilihat di bawah s. 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 yang memperuntukkan seperti berikut:

> **53 Anggapan mati**
>
> (1) Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syara' sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 52.

[21] Namun, dalam kes ini persoalannya ialah, adakah mahkamah ini boleh memberikan anggapan kematian di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950 tanpa sebarang prosiding di mahkamah berkaitan dengan pemohon?

[22] Penelitian kepada keputusan-keputusan kes di atas dapat difahami terdapat keputusan bahawa anggapan kematian tidak timbul sekiranya tiada kes yang sedang dibicarakan di hadapan mahkamah. Dalam erti kata lain, anggapan kematian hanya boleh digunakan dalam prosiding yang sedang berjalan sekiranya isu seseorang itu tidak diketahui atau sudah tidak dapat dijumpai atau ditemui melebihi daripada tujuh tahun. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah boleh menggunakan anggapan tersebut bagi tujuan prosiding yang sedang berjalan.

[23] Sebaliknya, ada keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa anggapan kematian itu boleh dipohon melalui notis usul bagi mendapatkan perintah anggapan kematian di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950. Malahan, perintah tersebut boleh digunakan untuk prosiding mahkamah seperti yang dinyatakan dalam kes *Mohd Aslam Khan Syed Gulam* (*supra*).

[24] Pada amalannya permohonan, untuk anggapan kematian dilakukan bagi membolehkan prosiding yang berkaitan dengan individu yang telah tidak ditemui lebih daripada tujuh tahun. Ia juga timbul apabila dokumen berkaitan dengan kematian tidak diperolehi. Ini akan menyukarkan proses untuk mengambil tindakan terhadap apa-apa prosiding berkaitan dengan hak individu yang dikatakan telah tidak ditemui melebihi daripada tujuh tahun tersebut. Ketiadaan perintah anggapan kematian akan menyebabkan pihak yang berkepentingan terhadap harta orang tersebut tidak dapat mengemukakan apa-apa permohonan yang berkaitan disebabkan tiada dokumen kematian.

[25] Adalah tidak dapat dinafikan terdapat keadaan apabila anggapan kematian itu boleh diterima oleh mahkamah untuk menguruskan permohonan geran, probet dan surat kuasa tadbir. Ini misalnya dapat dilihat dalam Practice Note (SC) No. 7 Tahun 1946 seperti berikut:

Practice Note (SC) No. 7 Of 1946

Presumption Of Death

1. Owing to circumstances arising out of the Japanese occupation, applicants for grants of probate and letter of administration will in many cases be unable to produce conclusive evidence of the death of persons who are still missing and concerning whom there is no news of survival.

2. With regard to applications for grants in England, the Colonial Office has compiled a Register of Deaths from which certificates are issued, and the President of the Probate, Divorce and Admiralty Division of the High Court of Justice has agreed to accept such certificates as evidence of death. The Chief Justice has directed that such certificates will be accepted in the Malayan Union Courts on application for Grants of Probate and Letters of Administration.

…

(Murray M Jack)
Registrar
The Registry, Supreme Court,
Malayan Union,
Kuala Lumpur

4 July 1946

[26] Dalam hal ini, mahkamah perlu melihat kedudukan anggapan kematian tersebut. Adakah ianya merupakan anggapan fakta atau anggapan undang-undang. Dalam hal ini, mahkamah merujuk kepada *Phipson On Evidence* 14th edn Sweet & Maxwell 1990 yang meletakkan anggapan kematian di bawah anggapan undang-undang dan sekiranya timbul isu berkenaan bilakah seseorang itu telah meninggal dunia di bawah anggapan kematian ini maka keterangan khusus perlu dibuktikan dalam kes tersebut. Ini dinyatakan di halaman 84 seperti berikut:

> Thus, the presumption of death arises whenever seven years' unexplained absence is proved; but when it is necessary to establish the time of death more precisely the question must be decided on the evidence adduced in each specific case.

[27] Seterusnya *Phipson* menyatakan seperti berikut di halaman 89:

> A person who has not been heard of for seven years by those who, if he had been alive, would be likely to have heard of him is presumed to be dead, but there is no presumption as to the time during the seven years at which he died, and the onus of proving death on any particular date rests with the person to whose title that fact is essential.

[28] Adalah jelas bahawa anggapan kematian di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950 adalah merupakan kesinambungan kepada s. 107 Akta tersebut yang menyatakan bahawa beban pembuktian untuk menunjukkan bahawa seorang yang telah didapati hidup dalam tempoh 30 tahun adalah kepada pihak yang mendakwanya telah meninggal dunia.

[29] Seksyen 108 Akta Keterangan 1950 menyatakan bahawa sekiranya isu sama ada seseorang itu telah meninggal dunia atau tidak ia adalah menjadi tanggungjawab pihak yang mendakwa orang tersebut masih hidup walaupun telah melewati tempoh tujuh tahun untuk membuktikannya. Ini bermakna, ss. 107 dan 108 Akta Keterangan 1950 adalah merupakan peruntukan berkaitan dengan anggapan dan beban pembuktian.

[30] Isu pemakaian s. 108 Akta Keterangan 1950 adalah jelas dan nyata. Apa yang menjadi persoalan ialah bolehkah mahkamah ini yang tidak mempunyai apa-apa prosiding di hadapannya memberikan perintah anggapan kematian di bawah s. 108 Akta tersebut. Hal ini lebih menarik apabila terdapatnya pindaan kepada s. 24A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 yang diperkenalkan melalui Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017 (Akta A1524) yang mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017 melalui PU(B) 373/2017 yang memperuntukkan seperti berikut:

> **24A Registration of presumed death**
>
> (1) When an order from a Court has been granted pertaining to a missing person's presumed death under any written law, the person who has been granted the order may forward the order to the Registrar for the purpose of registering the particulars of the missing person's presumed death.

A (2) On receipt of the order under subsection (1), the Registrar shall make an entry in a register containing the name of the missing person and such other information as may be necessary in relation to the missing person's presumed death.

[31] Pindaan tersebut diperkenalkan melalui Rang Undang-undang B Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 pada 23 November 2016. Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa membentangkan Rang Undang-undang tersebut telah menjelaskan tujuan pindaan s. 24A seperti berikut:

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 24A, dan 24B ke C dalam Akta 299. Seksyen 24A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang telah diberikan suatu perintah berkenaan dengan anggapan kematian seseorang yang hilang di bawah mana-mana undang-undang bertulis oleh mahkamah boleh mengemukakan perintah itu kepada Pendaftar bagi maksud mendaftarkan butir-butir anggapan kematian orang yang hilang itu. Apabila menerima D perintah itu, Pendaftar hendaklah membuat catatan dalam daftar yang mengandungi nama orang yang hilang itu dan apa-apa maklumat lain yang perlu berhubung dengan anggapan kematian orang yang hilang itu.

[32] Ini ditambah pula dengan terdapatnya Peraturan 8 dalam Kaedah-kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019 [PU(A) 54/2019] E yang menyatakan seperti berikut:

8 Pendaftaran anggapan kematian

(1) Maklumat berkenaan dengan anggapan kematian orang yang hilang hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam Borang JPN.LM02-AM Jadual Pertama dan disertakan dengan dokumen yang berikut: F

(a) perintah anggapan kematian yang dikeluarkan oleh mahkamah di Malaysia; dan

(b) dokumen pengenalan diri orang yang kepadanya perintah itu diberikan.

G (2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang iberikan adalah tepat, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Sijil Anggapan Kematian kepada pemohon dalam Borang JPN.LM03-AM Jadual Pertama.

[33] Ini ditambah pula dengan terdapatnya dokumen khusus berkenaan H dengan pendaftaran kematian ekoran daripada anggapan kematian yang diberikan oleh mahkamah seperti yang terdapat di dalam borang seperti berikut:

I

A

BORANG JPN.LM16-AM

SIJIL ANGGAPAN KEMATIAN
PRESUMED DEATH CERTIFICATE

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957
Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019
(Subseksyen 32(2); Subkaedah 12(4), 13(3), 14(4) dan 15(4))

B

Births and Deaths Registration Act 1957
Births and Deaths Registration Rules 2019
(Subsection 32(2); Subrules 12(4), 13(3), 14(4) and 15(4))

C

Kawasan Pendaftaran *Registration Area*	Pusat Pendaftaran *Registration Centre*
SI MATI/*DECEASED*	
Nama Penuh *Full Name*	
No. Kad Pengenalan *Identity Card No.*	Jantina *Sex*
Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain *Type and Other Identification Document No.*	Tarikh Dianggap Mati *Date of Presumed Death*
Keturunan *Race*	
Alamat Terakhir *Last Address*	
PERINTAH ANGGAPAN KEMATIAN/*PRESUMPTION OF DEATH ORDER*	
Nombor Pendaftaran Kes *Case Registration Number*	
Mahkamah *Court*	
Tarikh Perintah Mahkamah *Date of Court Order*	
PEMBERITAHU/*INFORMANT*	
Nama *Name*	
No. Kad Pengenalan *Identity Card No.*	Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain *Type and Other Identification Document No.*
No. Siri : *Serial No.* Tarikh Pendaftaran : *Date of Registration* Tarikh Cabutan : *Date of Extraction*	Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Anggapan Kematian *It is certified that the information above is as stated in Register of Presumed Death* ..... PENDAFTAR BESAR KELAHIRAN & KEMATIAN MALAYSIA *REGISTRAR GENERAL OF* *BIRTHS & DEATHS FOR MALAYSIA*

D

E

F

G

H

I

[34] Semasa meneliti s. 108 Akta Keterangan 1950 dan apakah tafsiran yang sewajarnya dibuat mahkamah tertarik dengan pendekatan yang diutarakan dalam pentafsiran undang-undang bertulis di dalam konteks undang-undang di United Kingdom. Ini dapat dilihat melalui pandangan Andrew Burrows dalam syarahannya bertajuk *Thinking About Statutes Interpretation, Interaction, Improvement Cambridge University Press 2018* di halaman 43 seperti berikut:

> (i) …
>
> (ii) The justified modern approach in this jurisdiction to statutory interpretation is that it is concerned to determine the best meaning today of the statutory words, in the light of their context and purpose; but that, contrary to the to the judicial tradition, all reference to Parliamentary intention is best avoided. While it is constitutionally imperative that the courts respect the line between interpreting and legislating, rational transparency renders it unacceptable for the courts' true reasoning to be hidden by the fiction or mask of 'Parliamentary intention'.
>
> (iii) …

[35] Pada masa yang sama, mahkamah juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tebin Mostapa v. Hulba-Danyal Balia & Anor* [2020] 7 CLJ 561; [2020] 4 MLJ 721 yang memberi suluh panduan berkenaan tafsiran undang-undang bertulis yang dinyatakan seperti berikut:

> [30] In our opinion, the rules governing statutory interpretation may be summarised as follows. First, in construing a statute effect must be given to the object and intent of the Legislature in enacting the statute. Accordingly, the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and to give effect to the words used by it. The court will not read words into a statute unless clear reason for it is to be found in the statute itself. Therefore, in construing any statute, the court will look at the words in the statute and apply the plain and ordinary meaning of the words in the statute. Second, if, however the words employed are not clear, then the court may adopt the purposive approach in construing the meaning of the words used. Section 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 provides for a purposive approach in the interpretation of statutes. Therefore, where the words of a statute are unambiguous, plain and clear, they must be given their natural and ordinary meaning. The statute should be construed as a whole and the words used in a section must be given their plain grammatical meaning. It is not the province of the court to add or subtract any word; the duty of the court is limited to gaps disclosed. Even if the words in a statute may be ambiguous, the power and duty of the court 'to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited'. Third, the relevant provisions of an enactment must be read in accordance with the legislative purpose and applies especially where the literal meaning is clear and reflects the purposes of the enactment. This is done by reference to the words used

in the provision; where it becomes necessary to consider every word in each section and give its widest significance. An interpretation which would advance the object and purpose of the enactment must be the prime consideration of the court, so as to give full meaning and effect to it in the achievement to the declared objective. As such, in taking a purposive approach, the court is prepared to look at much extraneous materials that bears on the background against which the legislation was enacted. It follows that a statute has to be read in the correct context and that as such the court is permitted to read additional words into a statutory provision where clear reasons for doing so are to be found in the statute itself.

[36] Penelitian kepada s. 108 Akta Keterangan 1950 bersama-sama dengan pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian (Pindaan) 2017 tersebut menunjukkan bahawa badan perundangan pada hemat mahkamah mengiktiraf satu lagi bentuk pendaftaran kematian adalah melalui anggapan kematian yang diisytiharkan oleh mahkamah. Dalam konteks ini, mahkamah berpendapat perintah anggapan kematian itu adalah bagi maksud s. 108 Akta Keterangan 1950 dan s. 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1997.

[37] Pada hemat mahkamah ini, pandangan yang dinyatakan dalam kes *Ex parte Ramlah @ Ras bt Abdullah* (*supra*) adalah tidak selari dengan pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian (Pindaan) 2017 tersebut. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah boleh mendengar permohonan untuk anggapan kematian di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950. Penelitian kepada permohonan pemohon perlu dibuat oleh mahkamah melalui afidavit-afidavit yang difailkan dan ekshibit-ekshibit yang berkaitan bagi menyokong permohonan ini.

[38] Oleh itu, mahkamah ini berpendapat mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan dan mengeluarkan perintah anggapan kematian di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950 walaupun tiada sebarang prosiding di mahkamah yang melibatkan pemohon selain daripada permohonan anggapan kematian ini.

[39] Namun demikian, mahkamah semasa mempertimbangkan permohonan di bawah s. 108 Akta tersebut perlu berpuas hati bahawa fakta-fakta yang mencukupi dikemukakan melalui affidavit yang difailkan serta ekshibit-ekshibit yang dilampirkan di dalam permohonan tersebut. Mahkamah harus berpuas hati bahawa:

(i) seseorang itu telah tidak ditemui atau didengari mengenainya selama tujuh tahun. Ini bermakna mahkamah perlu dikemukakan fakta bahawa dalam tempoh masa tujuh tahun atau lebih seseorang itu tidak pernah ditemui lagi. Ia mungkin disebabkan oleh kali terakhir dia dilihat ialah tujuh tahun sebelum daripada permohonan dibuat. Ini dapat dilakukan

melalui afidavit yang disediakan oleh seorang individu atau lebih yang dapat menentusahkan bahawa kali terakhir orang itu dilihat adalah tujuh tahun yang lalu sebelum permohonan dibuat; dan

(ii) ketiadaan berita berkenaan orang itu hendaklah oleh orang yang pada lazimnya mempunyai berita berkenaan dengan orang tersebut. Ini bermakna orang yang mengesahkan bahawa seseorang itu telah tidak didengar atau tidak ditemui berkenaannya tujuh dahulu itu adalah individu yang sewajarnya mempunyai pengetahuan berkenaan orang tersebut. Misalnya isteri, suami, anak-anak yang telah dewasa, jiran atau ketua kampung dan orang-orang lain yang pada kebiasaannya mengetahui bahawa orang itu boleh ditemui dan dapat didengar berita berkenaannya. Ini juga boleh dilakukan dengan afidavit yang dikemukakan.

[40] Sesungguhnya, anggapan kematian perlu dilakukan dengan berhati-hati. Ia disebabkan dengan adanya perintah anggapan kematian itu ia akan memberi kesan kepada harta si mati, undang-undang berkaitan dengan perwarisan harta dan hak-hak perundangan yang lain. Ia tidak boleh hanya dianggap sebagai satu prosedur biasa sahaja.

[41] Penelitian yang mendalam berkenaan dengan ketelitian mahkamah semasa mempertimbangkan perintah anggapan kematian dapat difahami melalui pandangan menarik yang dinyatakan dalam artikel bertajuk *The Applicability Of The Usul Al-Fiqh Principle "Istishâb" To The Presumption Of Death Of A Missing Person In Islamic Law Of Succession And Malaysian Law* (2010) 18 IIUMLJ 321 oleh Mohamad Asmadi Abdullah seperti berikut:

> The absence of the material fact necessitates the judge to issue a declaration of his death which is based on presumption. This is not an easy task because it might affect matrimonial and financial rights of those who have blood or marriage or any other legally recognized relationships with the missing Muslim.

[42] Dalam kes ini, setelah meneliti afidavit yang dikemukakan oleh pemohon yang mengesahkan bahawa dia ketika itu berumur sepuluh tahun melihat bahawa ibunya telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Purun. Ia juga disokong oleh sepupu kepada Jeriah binti Abdul Rahman yang menyaksikan pengebumian Jeriah binti Abdul Rahman di tanah perkuburan yang sama. Fakta tersebut juga tidak dapat disanggah bahawa sejak daripada pengebumian tersebut Jeriah binti Abdul Rahman tidak lagi ditemui atau didengar beritanya oleh pemohon dan sepupunya Jenap binti Jahit. Apa yang lebih menarik dalam kes ini juga terdapat satu gambar yang dikatakan pusara di mana Jeriah binti Abdul Rahman dikebumikan. Walaupun tiada dapat ditunjukkan dengan jelas catatan pada batu nisan tersebut sama ada ianya nama Jeriah binti Abdul Rahman atau orang lain.

[43] Namun demikian, fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa Jeriah binti Abdul Rahman ini tidak pernah lagi didengar melebihi daripada tujuh tahun seperti yang diperuntukkan di bawah s. 108 Akta Keterangan 1950.

[44] Ini bermakna mahkamah berpendapat Jeriah binti Abdul Rahman tidak lagi didengar berita mengenainya oleh orang yang sepatutnya mendengar berita tersebut melepasi tempoh tujuh tahun. Oleh itu, Jeriah binti Abdul Rahman diisytiharkan telah meninggal dunia.